

Pertemuan luah kebimbangan isu perkauman

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, perbincangan beliau bersama Penasihat DAP, Lim Kit Siang, minggu lalu adalah mengenai kebimbangan dalam isu berkaitan perkauman.

Perdana Menteri berkata, perbincangan itu turut disertai Pengarah Pendidikan Politik DAP merangkap Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong dan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Katanya, dalam perbincangan itu, masing-masing meluahkan kebimbangan mengenai tindakan segelintir pihak dan pemimpin dalam membuat ulasan mengenai isu perkauman, begitu juga dengan perbincangan orang awam mengenainya.

Beliau berkata, kebanyakan ulasan mengenai isu perkauman itu dibuat dalam keadaan marah dan ia perkembangan yang tidak sihat.

“Ada persepsi di luar sana berhubung perkauman ini. Penting untuk kita perbaiki dan tunjukkan bahawa kita sebenarnya bersatu dan bekerja bersama untuk menunaikan janji dan membawa reformasi kepada negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ditanya mengenai pertemuannya dengan Kit Siang minggu lalu.

Dikatakan pertemuan itu berikutan kenyataan Dr Mahathir mengenai Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong

Zong) sebagai rasis.

Dr Mahathir berkata, beliau juga bimbang dengan tindakan segelintir kepemimpinan parti Pakatan Harapan (PH) yang mengkritik kerajaan dan cuba melaga-laga pemimpin.

“Ada segelintir pemimpin parti (bukan ahli Kabinet) yang mengkritik kerajaan dan kepemimpinan, serta memperlihatkan ketidakpuasan hati mereka serta mahu menukarkan pemimpin yang ada.

“Ini tindakan yang tidak baik untuk parti dan kerajaan. Tindakan ini akan menjejaskan keseluruhan parti,” katanya.

Berhubung sentimen masyarakat yang tidak gembira dengan kerajaan menjelang sambutan Hari Kebangsaan berbanding tahun lalu, katanya tahun lalu rakyat gembira kerana berjaya menukarkan kerajaan dan tahun ini rakyat mahu melihat kerajaan menunaikan janji.

“Tidak mudah untuk mencapai apa yang dijanji kerana banyak yang kita janjikan tidak dapat dilaksanakan akibat dibuat dalam situasi kita tidak tahu kedudukan sebenarnya.

“Dulu kita tidak tahu hutang kerajaan boleh mencecah sampai RM1 trilion. Ada banyak yang kita janji kita tidak boleh buat sebab kami tidak ada duit untuk melaksanakannya,” katanya.

“Isu itu dibuat dalam keadaan marah dan ia perkembangan tidak sihat

***Dr Mahathir Mohamad
Perdana Menteri***